

Kombinasi 'tiga segi' untuk kecemerlangan pelajar

Sinar Harian Sabtu 8/3/08 m/s 2

Tiga pihak ini saling berhubung kait kerana hubungan yang dibina perlu difahami dengan lebih mendalam berdasarkan tanggungjawab yang digalas oleh mereka

■ MOHD ZAKY ZAINUDDIN

KUANTAN - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak menekankan aspek kombinasi tiga segi iaitu melibatkan guru, ibu bapa, masyarakat dan pelajar sebagai penentu kecemerlangan pelajar.

Kombinasi ini kata Najib mempunyai kaitan penting di samping memainkan peranan masing-masing untuk membawa perubahan dalam kehidupan.

"Kombinasi ini saling berhubung kait kerana hubungan yang dibina perlu difahami dengan lebih mendalam berdasarkan tanggungjawab yang digalas oleh mereka. Ibu bapa sebagai penyumbang kepada perkembangan bidangan pendidikan, manakala profesion perguruan sebagai pekerjaan ibadah dan murid perlu mempunyai motivasi dan impian untuk mencapai kejayaan.

"Gabungan unik ini akan menghasilkan kecemerlangan dalam pendidikan kerana mereka sentiasa berhubung kait," katanya ketika berucap pada Majlis Permuafakatan Ibu Bapa dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Damai, semalam.

Tambahnya, setiap usaha yang digembleng itu perlu mempunyai satu dorongan kuat dan masyarakat juga perlu memainkan peranan tersendiri untuk kebaikan serta kejayaan bidang pendidikan.

"Masyarakat juga perlu memainkan peranan masing-masing kerana faktor penyebab kepada kejayaan perlu di dorong oleh semua pihak, baik kerajaan sekali pun," ujarnya.

Menurut Najib, kerajaan sentiasa memberi dorongan menerusi prasarana yang disalurkan bagi memastikan sistem pendidikan yang ada pada hari ini lebih efisien.

"Kerajaan hari ini telah menyalurkan prasarana lengkap dalam pendidikan bukan sahaja dari sudut kemudahan selesa dan bangunan fizikal tetapi turut menekankan aspek kurikulum seperti alat bantu-



Najib terpegun melihat kecanggihan kerusi roda yang diberi nama 'Zump-3' hasil rekaan UMP yang disampaikan kepada pelajar OKU, Siti Hawa Apendi, 18.

an mengajar.

"Sistem pendidikan sekarang mampu melahirkan pelajar yang mempunyai pen-

capaian optimum setelah kerajaan menjadikan sistem berkenaan lebih terbuka atau demokratik," katanya.

- Keadaan ini katanya jelas menunjukkan kerajaan memandang serius kebajikan rakyat terutamanya dalam cabang pendidikan melalui pemansuhan yuran persekolahan dan memberi pinjaman buku teks kepada semua pelajar.

"Ini menunjukkan kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat dan tidak pernah meminggirkan pelajar yang kurang berkemampuan kerana mereka akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah.

"Ini kerana kita mahu semua yang ada pada hari ini sekurang-kurangnya bersekolah sehingga sebelas tahun atau lebih manakala yang tidak berkelayakan meneruskan pelajaran ke universiti perlu mencari bidang lain seperti khusus vokasional," jelasnya.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Wan Mohamad Razali Wan Mahussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Datuk Mohamed Saad Mat Lela, angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha dan calon Barisan Nasional kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Manis, Khairuddin Mahmud.